Rujukan : UKM HTM.3/224/2/4
Tarikh : 16 Oktober 2026

SURAT EDARAN KEWANGAN BIL. 13/2026

Ketua/ Pengurus
Jabatan/ Pusat/ Bahagian/ Unit
Hospital Canselor Tuanku Muhriz

YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PEMAKLUMAN BERKAITAN PENGURUSAN TUNTUTAN KEPADA UKM SPECIALIST CENTRE SDN. BHD. (UKMSC)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Surat Edaran Kewangan Bil.8/2023 bertarikh 28 Mac 2023 adalah berkaitan.

2. Surat edaran ini bertujuan memaklumkan berkaitan pengurusan tuntutan bagi pembekalan perkhidmatan, rawatan, bahan pakai habis dan ubat-ubatan kepada UKMSC.

3. Adalah dimaklumkan bahawa pengurusan tuntutan kepada UKMSC perlu dipatuhi merujuk kepada perkara-perkara berikut :

i) Pusat Tanggungjawab (PTj) dikehendaki mengemukakan maklumat tuntutan perkhidmatan yang diberikan oleh mana-mana PTj bagi pesakit UKMSC selewat-lewatnya 10hb setiap bulan kepada Bahagian Hasil, Jabatan Kewangan, HCTM.

ii) Tuntutan yang dibuat ke UKMSC adalah mengikut kadar caj yang terkemaskini berdasarkan kepada surat pekeliling yang berkuatkuasa.

iii) Cadangan perubahan kadar caj sedia ada atau kadar caj baharu oleh PTj hendaklah melalui Bahagian Hasil, Jabatan Kewangan, HCTM sebagai urusetia setelah mendapat persetujuan pihak pengurusan hospital.

iv) PTj tidak dibenarkan meminda, mengenakan, menawarkan atau menuntut sebarang caj atau bayaran yang mempunyai implikasi kewangan kepada UKMSC tanpa mendapat kelulusan pihak pengurusan.

v) Perbincangan antara Bahagian Hasil, Jabatan Kewangan, HCTM, PTj dan UKMSC perlu diadakan jika terdapat apa-apa pertikaian berkaitan tuntutan.

4. Sukacita YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dapat memaklumkan perkara ini kepada semua kakitangan dibawah seliaan bagi memastikan pematuhan terhadap prosedur yang ditetapkan ini dipatuhi sepenuhnya dan dilaksanakan dengan berkesan.

Sekian, kerjasama dan perhatian YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan terima kasih.

CEKAP PANTAS MESRA

Yang benar,

SURAYA BINTI ABDUL HAMID C.A (M)
Ketua
Jabatan Kewangan
Hospital Canselor Tuanku Muhriz

s.k
- **YBhg. Prof. Dato' Dr. Razman bin Jarmin**
  Pro Naib Canselor, Kampus Kuala Lumpur
- **YBhg. Dato' Dr. Azmi bin Baharudin**
  Pengarah, Hospital Canselor Tuanku Muhriz
- **YBhg. Prof. Madya Dato' Dr. Badrul Akmal Hisham bin Md Yusoff**
  Pengarah Perubatan, UKM Specialist Centre Sdn. Bhd.